

## Sekolah vernakular ada faktor unik, bukan pemisah kaum- Menteri Perpaduan

Media Baharu : 3-3 minutes

**KUALA LUMPUR, 31 Ogos-** Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang menyelar kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa menutup sekolah vernakular adalah cara terbaik merapatkan jurang perkauman.

Katanya, sekolah vernakular kini menjadi satu medium ikatan perpaduan dalam kalangan generasi baharu yang menguasai pelbagai bahasa termasuk bahasa kebangsaan.

"Kita telah mengadakan satu forum di mana telah diperhatikan jika dulu, sekolah vernakular dianggap sebagai pemisah antara kaum. Tapi sekarang ini selepas kita mengadakan satu wacana dan forum bersama tokoh-tokoh negawaran, didapati sekolah vernakular itu memberi manfaat kepada kaum selain Cina dan India.

"Orang Melayu sekarang belajar di sekolah Cina, sekolah India, mereka sudah pandai bertutur dalam Tamil dan Mandarin, sama juga di Sarawak. 60% sekolah Cina di Sarawak disertai oleh murid Bumiputera, ia jadi faktor istimewa, bukan pemisah," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai respons terhadap Tun Dr Mahathir yang mencadangkan agar sekolah vernakular dimansuhkan.

Sementara itu, Sambutan Hari Kebangsaan dan Anak Merdeka satu sambutan yang diraikan bertujuan untuk menyemai rasa cinta dan bangga terhadap negara.

Datuk Aaron Ago Dagang memaklumkan, pelaksanaan program serupa perlu diperhebat supaya semangat patriotisme dan jati diri rakyat Malaysia dapat ditingkatkan.

"Harapan kita adalah apabila kita mengadakan majlis seperti ini ia menjadi satu majlis yang dapat membawa semangat patriotisme pada mereka dan juga jati diri untuk mereka sebagai anakMalaysia, lebih-lebih lagi mereka yang lahir pada 31 Ogos ini,"katanya.

Datuk Aaron menyatakannya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Anak Merdeka Bersempena Hari Kemerdekaan ke-66 bertempat di Dewan Memorial Tun Hussien Onn, Kuala Lumpur.

Turut hadir, Pengurus Persatuan Warisan Anak Merdeka Wilayah Persekutuan dan Selangor, Datuk Mohamed Alwi Abdul Rahman.

Program Sambutan Anak Merdeka merupakan salah satu acara tahunan yang diadakan pada setiap 31 Ogos bagi meraikan warga Malaysia yang menyambut hari ulang tahun kelahiran pada Hari Kebangsaan sejak tahun 1994.

Pada tahun ini, Arkib Negara Malaysia (ANM) bekerjasama dengan Persatuan Warisan Anak Merdeka Kuala Lumpur dan Kementerian Perpaduan Negara bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan dalam semangat "Malaysia Madani."

Seramai 17 anak merdeka dari Kuala Lumpur dan Selangor telah diraikan pada program tersebut.



(Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang pada Majlis Sambutan Anak Merdeka Bersempena Hari Kemerdekaan ke-66)